

**THE PRACTICE OF *TABARRUK* AT MOUNT JERAI ACCORDING TO THE VIEW OF
AHLI SUNNAH WALJAMA'AH**

**AMALAN MENGAMBIL BERKAT DI GUNUNG JERAI MENURUT PANDANGAN AHLI
SUNNAH WAL JAMAAH**

Mohd Asyran Safwan Kamaruzamanⁱ, Mohd Sobri Elliasⁱⁱ, Mohd Haidhar Kamarzamanⁱⁱⁱ &
Syed Ahmad Faisal Syed Hussein^{iv}

- ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan. asyransafwan@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. sobri.ellias@usim.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. haidhar@ukm.edu.my
- ^{iv} Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Sekolah Menengah Agama (SMA) Al-Ahmadiyah Al-Ijtimaiah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. abulhabib@gmail.com

Article Progress

Received: 16 August 2025

Revised: 15 September 2025

Accepted: 30 September 2025

Abstract	<i>The practice of tabarruk; seeking blessings through objects or places associated with pious individuals has long been observed among Muslims, including in Malaysia. Mount Jerai in Kedah, particularly the tomb of Shaykh 'Abd Allāh al-Qumayri and the Telaga Tok Sheikh, is among the notable locations linked to this tradition. However, this practice has been contested by certain groups, who label it as shirk, heresy, or superstition, often referring to the views of figures such as Ibn Taymiyyah. This study aims to examine the legitimacy of tabarruk at Mount Jerai from the perspective of Ahli Sunnah waljama'ah, addressing misconceptions and doctrinal disputes. Using literature searches in the relevant academic articles and classical Islamic scholarship were identified, screened, and analysed. The results reveal that tabarruk is permissible when performed within the limits of Islamic law, with the belief that only Allah grants benefit and harm. Analysis of selected works indicates broad scholarly consensus among prominent Sunni scholars supporting the practice, provided it does not involve prohibited beliefs or actions. The findings also demonstrate that the controversy stems largely from differing interpretive methodologies and theological orientations rather than explicit scriptural prohibitions. This research provides a structured synthesis of evidence, offering clarity for Muslim communities and countering unnecessary accusations of disbelief in matters of scholarly disagreement. It concludes that tabarruk at Mount Jerai aligns with Sunni orthodoxy when practiced according to proper shar'i guidelines, thus promoting religious harmony and discouraging divisive rhetoric.</i> Keywords: Tabarruk, Gunung Jerai, Khurafat, al-Qumayri, Telaga Tok Sheikh.
-----------------	--

Abstrak	<i>Amalan tabarruk iaitu mencari keberkatan melalui objek atau tempat yang dikaitkan dengan individu soleh telah lama diamalkan oleh umat Islam, termasuk di Malaysia. Gunung Jerai di Kedah, khususnya Makam Shaykh 'Abd Allāh al-Qumayri dan Telaga Tok Sheikh, merupakan antara lokasi terkenal yang dikaitkan dengan tradisi ini. Namun, amalan ini sering dipertikaikan oleh sesetengah pihak yang menuduhnya sebagai syirik, sesat atau khurafat, dengan merujuk pandangan tokoh seperti Ibn Taymiyyah. Kajian ini bertujuan meneliti kesahihan tabarruk di Gunung Jerai menurut perspektif Ahli Sunnah Waljamaah, bagi menjelaskan salah faham dan perbezaan pandangan dalam isu akidah. Sejumlah artikel akademik yang relevan serta karya ulama klasik telah dikenal pasti, disaring dan dianalisis dalam melakukan sorotan literatur. Hasil kajian menunjukkan bahawa tabarruk adalah harus dilakukan selagi ia berlandaskan hukum syarak dengan keyakinan bahawa hanya Allah yang memberi manfaat dan mudarat. Analisis terhadap karya terpilih menunjukkan wujudnya konsensus yang luas dalam kalangan ulama Ahli Sunnah yang membenarkan amalan ini, asalkan ia tidak melibatkan kepercayaan atau perbuatan yang dilarang. Penemuan juga mendapati kontroversi ini berpunca daripada perbezaan metodologi pentafsiran dan orientasi teologi, bukannya larangan nas yang jelas. Kajian ini menyediakan sintesis bukti yang teratur, memberikan pencerahan kepada masyarakat Islam, serta menolak tuduhan sehingga mengeluarkan seseorang daripada Islam dalam perkara khilaf. Kesimpulannya, tabarruk di Gunung Jerai selari dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah apabila dilaksanakan mengikut garis panduan syarak yang betul, sekali gus memupuk keharmonian beragama dan menghindari perpecahan.</i> Kata kunci: <i>Tabarruk, Gunung Jerai, Khurafat, al-Qumayri, Telaga Tok Sheikh.</i>
----------------	--

PENDAHULUAN

Pada sekitar antara Mei dan Jun 2022, terdapat beberapa video yang tular memperlihatkan beberapa individu sedang mengambil barakah di Gunung Jerai. Dikatakan bahawa Gunung Jerai pernah didiami oleh Shaykh 'Abd Allāh al-Qumayri yang merupakan antara pendakwah Islam yang terawal sampai di Tanah Melayu (Wan Mohd Shaghir, 1999). Shaykh 'Abd Allāh al-Qumayri telah mengubah lanskap Kedah kepada sebuah negeri Islam yang disegani dengan mengislamkan Maharaja Derbar Raja Phra Ong Mahawangsa yang kemudiannya mengubah namanya kepada Sultan Muzaffar Shah I (Rahmah Ahmad H.Osman, 2022).

Akibat video yang tular ini, maka Harian Metro bertarikh 5 Jun 2022 melaporkan timbul kegelisahan masyarakat tentang hukum *tabarruk* sehingga ada yang menuduh syirik dan khurafat terhadap amalan ini (Harian Metro, 2022). Video-video tersebut turut memaparkan beberapa individu melakukan ritual seperti mandi air Telaga Tok Sheikh dan menziarahi makam Sheikh 'Abd Allāh al-Qumayr. Amalan mandi air Telaga Tok Sheikh adalah dianggap untuk mengambil berkat atau *tabarruk* kerana ianya adalah kesan peninggalan Sheikh 'Abd Allāh al-Qumayri yang dianggap sebagai Wali Allah di Tanah Melayu ini. Manakala upacara menziarahi makam Sheikh 'Abd Allāh al-Qumayri adalah kerana untuk bertawassul mengambil berkat memohon hajat kepada Allah ﷻ.

Hal ini bukanlah baru berlaku di kalangan masyarakat Islam Malaysia, bahkan media arus perdana seperti Sinar Harian pernah melaporkan kejadian yang sama pada 8 April 2019. Menurut laporan tersebut, Pengurus Jerai Hill, Anuar Omar berkata bahawa terdapat segelintir pengunjung datang melakukan amalan atau ritual yang memesongkan akidah seperti aktiviti memuja nombor ekor, sesi pemujaan tarik wang dan mandi bunga.

Malah ada yang mencari harta karun, bertapa dan sebagainya. Mstar dalam laporan bertarikh 30 Mei 2022 melaporkan bahawa terdapat individu yang menziarahi Gunung Jerai mempercayai bahawa air Telaga Tok Sheikh adalah merupakan air penawar bagi segala penyakit. Individu yang sama juga mendakwa bahawa terdapat air terjun berhampiran sebuah gua yang berbentuk naga. Kawasan tersebut dikatakan adalah tempat puteri bunian dan nenek kebayan bermandi-manda.

Memandangkan amalan *tabarruk* di Gunung Jerai ini telah lama diamalkan oleh masyarakat Islam, pada tahun 2021 Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Idris Ahmad memberikan ulasan bahawa amalan ini boleh sampai kepada tahap merosakkan akidah dan dalam masa yang sama turut mengundang bala yang akan memberi kesan kepada semua pihak memberikan kesan kepada semua pihak (Sinar Harian, 2021). Mufti Kedah, Datuk Syeikh Fadzil Awang juga dalam komentarnya terhadap video yang tular mengingatkan umat Islam supaya menjauhi sebarang aktiviti pemujaan atau ritual dengan hajat tertentu di Gunung Jerai dekat sini yang dikhuatiri merosakkan akidah (Utusan Malaysia, 2022).

Selain daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) dan Mufti Kedah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) telah mengeluarkan kenyataan akhbar bertarikh 29 Mei 2022 menyatakan bahawa pihak mereka amat memandang berat isu ini dan menyiasat aduan tersebut mengikut Seksyen 4 dan Seksyen 7 Enakmen Kesalahan Jenayah Sariah (Kedah Darul Aman) 2014 atas kesalahan doktrin palsu dan menghina atau menyebabkan dipandang hina agama Islam. Jika sabit kesalahan, Seksyen 4 memperuntukkan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana Kombinasi hukuman itu. Manakala Seksyen 7 Enakmen yang sama memperuntukkan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Namun begitu, para pengkaji mendapati bahawa amalan *tabarruk* itu sendiri telah lama diamalkan oleh umat Islam sejak daripada zaman Rasulullah ﷺ sehingga sekarang. Hal ini mendorong para pengkaji untuk mengkaji lebih lanjut hal berkaitan *tabarruk* bagi mendapat gambaran terperinci mengenai *tabarruk*. Ini bagi menyahut seruan Allah ﷻ:

﴿فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui. (al-Quran. Al-Nahl: 43).

Seharusnya isu *tabarruk* ini dikupas secara tuntas berdasarkan kepada kitab-kitab para ulama yang lebih mengetahui daripada sumber-sumber syarak, terutama ulama yang berkepakaran dalam bidang usuluddin

SOROTAN LITERATUR

Makna *Tabarruk*

Asal perkataan *tabarruk* adalah daripada perkataan *baraka* yang berkaitan dengan makna berkat atau keberkatan. Pengertian *al-Barakah* merujuk kepada kebaikan yang melimpah, sementara *al-Tabarruk* mengandungi makna mengambil keberkatan (al-Shaykh, 2003). Fayrūz al-Abādi dalam *al-Qāmus al-Muḥīṭ* menjelaskan kalimah *al-barakah* bererti kelebihan, peningkatan kebaikan dan kebahagiaan (al- Fayrūz al-Abādi, t.t). Manakala *tabarruk* diertikan sebagai mengambil berkat (Khadijah et.al, 2022).

Secara bahasa, menurut Ibn Manzūr (t.t) *tabarruk* adalah kata terbitan dari *tabarraka-yatabarraku*, sehingga *tabarraktu bi* bermakna *tamannaytu bi* atau mengharap dengan perantara sesuatu. Jadi, *bertabarruk* dengan sesuatu maknanya adalah meminta *barakah* daripada Allah ﷻ dengan menjadi objek itu sebagai perantaranya. Ibn Fāris (1979) menyebut bahawasanya *baraka* bererti bertambah dan berkembang. al-‘Askari (t.t) menukulkan pandangan Ibn ‘Abbas bahawa maksud *baraka* ialah keberlimpahan dalam setiap kebaikan, sedangkan erti *mubarak* adalah sesuatu yang mendatangkan kebaikan

yang melimpah ruah. Menurut Asmaran As (2018), kalimah *tabarruk* yang ialah kata terbitan dari perkataan *baraka* yang sama maksudnya dengan perkataan *barakah*, yang bererti mencari atau mengambil keberkatan atau keberuntungan. Terdapat banyak dalil tentang kewujudan berkat seperti firman Allah ﷻ (Surah ali-Imran: 96):

﴿إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِلْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya, *Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangun untuk (tempat beribadat) manusia, ialah Baitullah yang di Bakkah (Mekah) yang diberkati dan menjadi petunjuk bagi semua manusia.* (al-Quran. ali-Imran: 96).

Selain al-Quran, hadis Nabi ﷺ juga mengisyaratkan tentang kewujudan berkat dalam Islam dengan menjelaskan tentang keberkatan al-Quran:

﴿أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اشْتَكَى يُفَرِّغُ عَلَى نَفْسِهِ بِالْمُعَوَّذَاتِ وَيَنْفُثُ، فَلَمَّا اشْتَدَّ وَجَعُهُ كُنْتُ أَقْرَأُ عَلَيْهِ وَأَمْسَحُ بِيَدِهِ رَجَاءَ بَرَكَتِهَا﴾

Maksudnya, “*Sesungguhnya Rasulullah ﷺ apabila sakit, baginda membaca surah-surah Mu’awwizat pada dirinya dan meniup. Maka apabila sakitnya itu bertambah, maka saya yang membacakannya dan saya usapkan pada tangan baginda dengan mengharapakan barakah dari muawwidzat itu.*” (Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb Fadail al-Quran, al-Mu’awwizat.* 5016).

Tarīq al-Lahām (2021) menjelaskan lagi bahawa perbuatan mengambil berkat adalah bersandarkan perintah Nabi Yusuf kepada saudaranya supaya membawa pakaiannya yang berkat untuk disapu ke wajah ayahnya Nabi Ya’aqub dan akan kembali pulih penglihatannya sebagaimana firman Allah ﷻ (Surah Yusuf: 93):

﴿أَذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا فَاَلْفُوهُ عَلَى وَجْهِ أَبِي يَأْتِ بَصِيرًا﴾

Maksudnya, “*Kamu pergilah membawa bajuku ini kemudian letakkanlah baju ini (yang berkat) di wajah ayahku nescaya dia boleh melihat kembali.*” (al-Quran. Yusuf: 93).

Kalimah *barakah* ini juga boleh didapati penyebutannya di dalam al-Quran dengan beberapa lafaz. Menurut al-Bāqī (1996), perkataan *baraka* di dalam al-Quran disebut dalam beberapa bentuk yang berbeza seperti berikut:

- i. Kalimah *baraka* disebut sekali;
- ii. Kalimah *barakna* disebutkan enam kali;
- iii. Kalimah *burika* disebut sekali;
- iv. Kalimah *tabaraka* disebut sembilan kali;
- v. Kalimah *barakat* disebut dua kali;
- vi. Kalimah *barakatuhu* disebut sekali;
- vii. Kalimah *mubarak* disebut empat kali;
- viii. Kalimah *mubarkan* disebut empat kali; dan
- ix. Kalimah *mubarakah* disebut empat kali.

Secara asasnya, perbincangan *tabarruk* dan *tawassul* adalah seiring. Ini kerana konsep *tabarruk* dan *tawassul* adalah sama. Iaitu menjadikan sesuatu itu sebagai suatu wasilah kepada Allah ﷻ untuk mendapatkan sesuatu manfaat atau menjauhkan sesuatu mudarat. Menurut al-Zabīdī (t.t) dalam kitabnya *Tāj al-‘Arūs*, *barakah* bererti penambahan terhadap sesuatu manakala al-Rāghib al-Isfahānī (t.t) dalam karyanya *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān* menjelaskan bahawa *barakah* ialah kebaikan yang Allah ﷻ kekalkan pada sesuatu.


Jamīl Halīm al-Husayni dalam kitabnya berjudul *Bahr al-Dalāil wa al-Asrār fī al-Tabarruk bi Athār al-Muṣṭafā al-Mukhtār* (2013) menerangkan isu *tabarruk* dengan kesan peninggalan Nabi ﷺ secara tuntas dan jelas. Beliau yang merupakan Ketua Pertubuhan Sufi di Lebanon adalah salah seorang daripada pemegang amanah yang menjaga banyak kesan-

kesan peninggalan Nabi ﷺ sangat mempertahankan amalan bertabarruk sesuai dengan anjuran syarak. Menurut beliau, *tabarruk* ialah mencari atau memohon keberkatan sesuatu. Perbuatan *tabarruk* menurut beliau ialah salah satu kaedah untuk manusia beramal dengan sebab yang batin iaitu sebab yang tiada kelihatan secara zahir akan hubung kait antara sebab dan musabab. Sebahagian ulama mengambil kefahaman *tabarruk* ini dengan kefahaman *tawassul* kerana *tabarruk* ialah salah satu bentuk *tawassul* (al-Harari, 2002). Menurut Saidina et.al (2022), *tabarruk* difahami juga dengan kefahaman wasilah, ada yang mengatakan bahawa wasilah adalah segala sesuatu yang mendekatkan diri kepada Allah ﷻ dengan cara melaksanakan segala yang diperintah, dan meninggalkan apa yang dilarang.

Secara istilah, menurut dapatan Layyinah (2021) dalam tesisnya, *tabarruk* merupakan upaya untuk menambah nilai spiritual dalam proses penghambaan seorang muslim yang diimplementasikan dengan melalui cara-cara tertentu. Menurut Layyinah lagi, al-Aṣṣfahānī mendefinisikan *barakah* adalah tetapnya suatu kebaikan yang bersifat ketuhanan pada suatu hal. Ibn Manzūr juga mengatakan bahawa *barakah* memiliki erti الزيادة iaitu bertambah. Beliau menjelaskan bahawa *tabrik* ialah doa seseorang kepada orang lain untuk mendapat barakah kebaikan. Makna *tabarruk* pula menurut Ahmad Zayni Dahlan yang dinukilkan Layyinah, ialah proses pencapaian terhadap Allah dengan melalui media yang dianggap memiliki keberkatan kerana statusnya di sisi Allah ﷻ.

Elemen Tabarruk

Achmad Beadie (2022) dalam makalahnya bertajuk *Konsep Berkah Dalam Epistemologi Islam* yang diterbitkan Jurnal Pusaka (2022) Vol.12 No.2: 16-26 p-ISSN 2339-2215 e-ISSN 2580-4642 telah mendatangkan pandangan-pandangan yang kuat dalam empat mazhab yang mengharuskan *tabarruk*. Beliau telah menyimpulkan beberapa kriteria dalam proses amalan *tabarruk* itu sendiri sebagaimana yang dijelaskan juga oleh Jamil Halim al-Husayni (2013). Dapatan Achmad dalam kajian beliau adalah senada dengan Ahli Sunnah Waljamaah iaitu *tabarruk* dengan wali Allah itu hanyalah bentuk wasilah supaya kita mendapat syafaat dan mereka ini adalah pintu yang membuka kepada jalan Allah ﷻ. Beliau merumuskan elemen *tabarruk* seperti berikut:



Rajah 1: Elemen Tabarruk

Tabarruk Dalam Sejarah Islam

Ṭarīq al-Lahām (2021) menyebut bahawa ulama Ahli Sunnah Waljamaah sekaliannya mengharuskan *tawassul* dan *tabarruk* berdasarkan firman Allah ﷻ dalam al-Quran (al-Maidah: 35):

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ﴾

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah wasilah (jalan) untuk mendekatkan diri kepada-Nya”. (al-Quran. al-Maidah: 35).

Ayat ini jelas bahawa kita diperintahkan untuk mencari apa sahaja perkara yang boleh mendekatkan diri kepada-Nya kerana perkara-perkara ini hanyalah sebab yang menghasilkan musabbab. Pencipta sebab dan musabbab adalah Allah ﷻ.

Oleh yang demikian, menurut Ṭarīq al-Laḥām (2021) dalam sejarah Islam, terdapat banyak peristiwa yang mengisyaratkan keharusan *tabarruk* kerana *tabarruk* ini hanyalah semata-mata memohon keberkatan daripada Allah ﷻ. Sebagaimana ubat tidak mencipta kesembuhan maka begitu juga baju Nabi Yusuf ﷺ tidak mencipta kesembuhan kepada Nabi Ya'aqub ﷻ melainkan Allah jua yang mencipta kesembuhan pada ubat dan pada baju. Dalam peristiwa ini, Nabi Yusuf telah memerintahkan saudaranya supaya membawa pakaiannya yang berkat untuk disapu ke wajah ayahnya Nabi Ya'aqub dan akan kembali pulih penglihatannya sebagaimana firman Allah ﷻ (Surah Yusuf: 93) yang telah disebutkan sebelum ini.

Selain itu, Nabi ﷺ ketika melakukan cukur setelah selesai menunaikan haji, Baginda mengagihkan rambut Baginda dan kuku Baginda kepada para sahabat. Ini tidak lain tidak bukan adalah bagi tujuan mengambil keberkatan (al-Laḥām, 2021). Lihatlah bagaimana Khalīd al-Walīd sentiasa pergi ke peperangan yang dimenanginya dengan Khalīd memakai penutup kepala yang berisi rambut Rasulullah ﷺ kerana barakahnya. Suatu hari, apabila penutup kepalanya hilang, beliau memerintah tenteranya agar mencari kembali sehingga berjumpa. Ini kerana beliau tidak mahu hilang keberkatan Rasulullah ﷺ darinya. Selain dua kisah ini, antara peristiwa yang menjadi pendalilan *tabarruk* adalah:


1. Peristiwa Nabi Yusuf ﷻ memberikan bajunya kepada saudaranya supaya diberikan kepada ayahnya Nabi Yaakub ﷻ bagi merawat matanya sehingga sembuh (Surah Yusuf: 93)
2. Peristiwa sahabat yang buta memohon Nabi ﷺ mendoakan kesembuhan matanya. Lalu Nabi ﷺ mengajarkan *tawassul* dan *tabarruk* kepadanya. Lalu matanya kembali sembuh dan melihat seperti biasa (Hadis Riwayat al-Tirmidhī, No. Hadis 3578)
3. Peristiwa sahabat *tawassul* dan *tabarruk* di makam Nabi ﷺ pada zaman Sayyiduna Umar lalu hujan turun (Ibn Kathīr, t.t)
4. Peristiwa 'Abd Allāh ibn 'Umar yang sebut Ya Muhammad apabila kakinya kelumpuhan, lalu sembuh kakinya (Hadis Riwayat al-Bukhārī, t.t, *Adab al-Mufrad*, No. Hadis 964)
5. Hadis yang mengisahkan bahawa Nabi mengajarkan apabila seseorang mengalami kesukaran, maka serulah malaikat yang bertebaran di muka bumi yang tugas asalnya mencatat daun yang gugur (Hadis Riwayat al-Haithami, *Majma' al-Zawā'id*, No. Hadis 17104)
6. Hadis sahabat minum air yang dicelup rambut Nabi ﷺ untuk merawat sakit 'Ayn (Hadis Riwayat al-Bukhārī, No. Hadis 5896)
7. Hadis sahabat berebut menyapu air wudhu Nabi ﷺ untuk *tabarruk* (Hadis Riwayat al-Bukhārī, No. Hadis 501, Hadis Riwayat Muslim, No. Hadis 489)
8. Hadis Nabi ﷺ mengagihkan rambutnya dan para sahabat berebut untuk mengambilnya buat *tabarruk* (Hadis Riwayat Muslim, No. Hadis 2325)
9. Athar Imām Ahmad bertabarruk dengan rambut Nabi (al-Zahabi, *Tārīkh Islām*, t.t).
10. Kisah 'Abd Allāh ibn Zubayr minum darah bekam Nabi kerana darah Nabi ﷺ bukan najis (al-Hākim, *al-Mustadrak*, No. Hadis 6343)

Hukum *Tabarruk*

Maka secara asasnya, *tabarruk* dibolehkan dengan dalil-dalil yang jelas lagi sahih daripada al-Quran, Hadis dan Athar para sahabat dan tabi'in. Dikuatkan lagi ialah pandangan imam-

imam ikutan mazhab seperti Imām al-Nawawi yang membolehkan *tabarruk* dengan lebih makanan orang soleh atau menjemput orang soleh untuk memenuhi undangan jamuan makan dan Imām al-Ghazālī menganjurkan ziarah kubur orang soleh untuk bertabarruk. (Mohd Khafidz Soroni et.al, 2020). Kholil Abou Fateh (2019) dalam karyanya *Masāil al-Dīniyyah* menyebutkan beberapa tokoh ulama yang mengharuskan *tawassul* dan *tabarruk* seperti dalam rajah di bawah:

Tokoh Utama dalam Tawassul dan Tabarruk



Rajah 2: Tokoh Utama Mengharuskan *Tawassul* dan *Tabarruk*

Al-Qāḍī Abū Hafs 'Umar ibn al-Muṭṭī Qāsim al-Mālikī dalam risalahnya (Jamīl Halīm, 2013) menjelaskan bahawa *tabarruk* itu harus dan tidak boleh menghukum apa yang ada dalam hati seseorang melainkan ianya jelas. Maka kita mengimani bahawa Allah ﷻ adalah Pencipta dan *tabarruk* itu tidak lain tidak bukan hanyalah sebab sahaja. Golongan yang menghukumkan *tabarruk* sebagai syirik, mereka telah menghancurkan agama dan menghalalkan darah orang Islam, mencampur adukkan kefahaman ibadah orang bukan Islam dan orang Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk sorotan literatur berstruktur (*structured literature review*) sebagai kaedah utama. Sumber data diperoleh daripada kitab klasik Islam (seperti karya aidah, tafsir dan hadis), artikel jurnal tempatan dan antarabangsa, serta laporan media arus perdana berkaitan amalan *tabarruk* di Gunung Jerai seperti Harian Metro dan MStar.

Proses pengumpulan data melibatkan pencarian menggunakan pangkalan data akademik seperti *Google Scholar*, *Scopus*, dan *MyCite*, selain rujukan kepada repositori digital kitab turath. Artikel dan sumber dipilih berdasarkan kriteria inklusi (berkaitan dengan konsep *tabarruk*, pandangan ulama Ahli Sunnah Waljama'ah, serta kes kontemporari di Gunung Jerai) dan kriteria eksklusi (kajian yang bersifat polemik tanpa asas ilmiah atau tidak membincangkan *tabarruk* secara langsung).

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik dan komparatif, iaitu mengenal pasti tema utama (dalil nas, amalan sahabat, pandangan ulama mazhab) serta membandingkannya dengan laporan kontemporari mengenai amalan bertabarruk di Gunung Jerai. Dengan pendekatan ini, kajian dapat merumuskan kedudukan *tabarruk* dari perspektif Ahli Sunnah Waljama'ah secara lebih sistematik dan berautoriti.


AMALAN TABARRUK DI GUNUNG JERAI: SUATU ANALISIS

Berdasarkan laporan sedia ada oleh media massa dan ulasan oleh pihak berautoriti sebagaimana yang telah diperincikan di awal penulisan, maka ringkasan amalan yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat di Gunung Jerai ialah:

- i. Menziarahi makam Tok Syeikh iaitu Shaykh 'Abd Allāh al-Qumayri al-Yamani (wafat selepas 531H bersamaan 1136M);
- ii. Berdoa di sisi makam Tok Syeikh;
- iii. Solat di tapak masjid Tok Syeikh; dan
- iv. Mandi dan minum dari air telaga Tok Syeikh.

Jika diteliti amalan-amalan yang dilakukan di atas, maka para pengkaji mendapati tiada sebarang unsur syirik iaitu ritual penyembahan sesuatu selain Allah ﷻ seperti menyembah makam Tok Syeikh. Jika dibandingkan amalan-amalan ini dan amalan para sahabat dan salaf al-sāliḥ, maka kita akan dapati banyak persamaan dan tidak ada langsung unsur syirik.

Amalan Tabarruk di Gunung Jerai



Rajah 3: Amalan Tabarruk di Gunung Jerai

Pertama, masyarakat yang menziarahi makam Tok Syeikh dan berdoa di sisi makamnya, tidak lain dan tidak bukan hanyalah bersandarkan kepada amalan para sahabat yang sering mengunjungi makam Nabi ﷺ (al-Laḥām, 2021), para salaf al-sāliḥ yang mengunjungi makam wali seperti Imām al-Shafi'ī mengunjungi makam Imām Abū Hanifah (al-Baghdadi, t.t) dan generasi-generasi umat Islam yang sentiasa mengunjungi makam orang soleh untuk bertabarruk (Ahmad Nurlatif, 2011).

Mengunjungi makam Nabi ﷺ dan orang soleh untuk menziarahi mereka dan bertabarruk dengan mereka adalah diharuskan dalam Islam berdasarkan dalil-dalil daripada hadis dan perbuatan para salaf al-sāliḥ. Rasulullah ﷺ bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi ﷺ berdoa untuk didekatkan ke Baitul Maqdis kerana keberkatan Baitul Maqdis, lalu Nabi ﷺ bersabda:

{ رَبِّ أَذْنِبِي مِنَ الْأَرْضِ الْمُقَدَّسَةِ رَمِيَّةً بِحَجَرٍ }

Maksudnya, "Ya Allah dekatkanlah aku kepada bumi Baitul Maqdis meskipun sejauh lemparan batu." (Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibban, Kitāb al-Tarikh*. 6224).

Kemudian setelah itu Baginda ﷺ bersabda lagi:

{ وَاللَّهِ لَوْ أَنِّي عِنْدَهُ لَأَرَيْتُكُمْ قَبْرَهُ إِلَى جَنْبِ الطَّرِيقِ عِنْدَ الْكُتَيْبِ الْأَحْمَرِ }

Maksudnya, “Demi Allah, jika sesungguhnya aku berada berhampiran kubur Nabi Musa nescaya akan aku tunjukkan kuburnya kepada kamu semua iaitu jalan di daerah al Kathib Al Ahmar.” (Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Anbiyā’*, Bab *Wafāt Mūsā wa Dhikruhu ba’dahu*. 1339).

Hadis ini menjadi dalil bahawa diharuskan bertabarruk dengan makam para Nabi termasuklah para wali kerana persoalannya, untuk apa kalau Nabi ﷺ berdekatan dengan kubur Nabi Musa ﷺ maka Nabi ﷺ akan tunjukkan makamnya? Kerana itu kata al- Hāfiẓ Waliy al-Dīn al-‘Iraqi berkata dalam kitabnya *Ṭarḥ at-Tathrib* (Kholil Abou Fateh, 2019) bahawasanya dalam hadis ini terdapat dalil sunat untuk mengetahui kedudukan kuburan orang-orang yang soleh untuk berziarah ke sana dan memenuhi hak-haknya. Begitu juga al-Hāfiẓ Shams al- Dīn ibn al-Jazari mengatakan dalam kitabnya *‘Uddah al-Hiṣn al-Ḥaṣin*:

{وَمِنْ مَوَاضِعِ إِبْجَابَةِ الدُّعَاءِ قُبُورُ الصَّالِحِينَ}

Maksudnya, “Di antara tempat dikabulkannya doa adalah kuburan orang-orang yang soleh.”

al-Hāfiẓ Ibn al-Jazari sendiri selalu bertandang ke kubur Imām Muslim ibn al-Hajjāj, penulis kitab Sahih Muslim dan berdoa di sana sebagaimana disebutkan oleh Mullā ‘Ali al-Qāri dalam kitab *Sharḥ al-Mishkāṭ*.

Kedua, mengenai amalan solat di tapak masjid Tok Syeikh. Amalan mencari barakah di kesan-kesan tinggalan para solehin juga telah menjadi budaya yang diharuskan dalam Islam. Bagaimanapun, Nabi ﷺ tidak menggalakkan untuk berusaha melakukan permusafiran untuk mencari barakah masjid melainkan ke tiga buah masjid sahaja. Nabi ﷺ bersabda:

{لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى}

Maksudnya, “Janganlah kamu bersusah payah mengembara (atau bermusafir bagi tujuan ibadah) melainkan pada tiga buah masjid iaitu masjid al-Haram, masjid Rasulullah ﷺ dan juga masjid al-Aqsa.” (Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb Fadl al-Salat fi Masjid Makkah wa al-Madinah*, Bab *Fadl al-Salat fi Masjid Makkah wa al-Madinah*. 1188).

Namun, perbuatan melakukan solat di tapak masjid Tok Syeikh tidaklah menjadi perbuatan yang haram kerana hadis Nabi ﷺ tidak bermakna solat di tapak masjid selain tiga masjid tersebut adalah haram.

Ketiga ialah perbuatan mandi dan minum air telaga Tok Syeikh. Asal hukum perbuatan mandi dan minum daripada sesebuah telaga adalah harus, dan apabila ianya bertujuan mencari barakah dengan mandi atau minum airnya tidaklah haram. Imām al-Shafi‘ī pernah bertabarruk dengan minum air dari baju Imām Ahmad ibn Hanbal yang merupakan sahabatnya sekaligus muridnya sendiri. Hal ini diceritakan oleh Imām Ibn ‘Asākir (t.t) dalam *Mukhtasar Tārīkh al-Dimashq* berikut ini:

{قال الربيع: إن الشافعي خرج إلى مصر وأنا معه فقال لي: يا ربيع خذ كتابي هذا ، فامض به وسلمه إلى أبي عبد الله أحمد بن حنبل، وائتني بالجواب. قال الربيع: فدخلت بغداد ومعني الكتاب، فلقيت أحمد بن حنبل صلاة الصبح، فصلّيت معه الفجر، فلما انقضى من المحراب سلّمت إليه الكتاب، وقلت له: هذا كتاب أخيك الشافعي من مصر، فقال أحمد: نظرت فيه قلت: لا، فكسر أبو عبد الله الحتم وقرأ الكتاب، وتغرّرت عيناه بالدموع، فقلت: إيش فيه يا أبا عبد الله قال: يذكر أنه رأى النبي (صلى الله عليه وسلم) في النوم، فقال له: اكتب إلى أبي عبد الله أحمد بن حنبل، وقرأ عليه مني السلام، وقل: إنك سئمتحن وتدعى إلى خلق القرآن فلا تجبهم، فسيرفع الله لك علماً إلى يوم القيامة. قال الربيع: فقلت: البشارة، فخلع أحد قميصيه الذي يلي

جلده ودفعه إليّ، فأخذته وخرجت إلى مصر، وأخذت جواب الكتاب فسلمته إلى الشافعي، فقال لي الشافعي: يا ربيع إيش الذي دفع إليك قلت: القميص الذي يلي جلده، قال الشافعي: ليس نفجعك به، ولكن بُلّه وادفع إليّ الماء لأتبرك به.}

Maksudnya, "Berkata Rabi': "Imām al-Shafi'i pergi ke Mesir bersamaku, lalu berkata kepadaku: "Wahai Rabi', ambil surat ini dan serahkan kepada Abu Abdillah Ahmad ibn Hanbal, selanjutnya datanglah kepadaku dengan membawa jawabannya!" Aku memasuki Baghdad dengan membawa surat, aku menjumpai Imām Ahmad sedang solat Subuh, maka aku pun solat di belakang beliau. Setelah beliau hendak beranjak dari mihrab, aku serahkan surat itu, "Ini surat dari saudaramu Imām al-Shafi'i di Mesir," kataku. "Kau telah melihat isi surat ini?" tanya Imām Ahmad. Aku jawab: "Tidak." Beliau membuka dan membaca isi surat itu, sejenak kemudian kulihat beliau berlinang air mata. "Apa isi surat itu wahai Abu Abdillah?" tanyaku. "Isinya menceritakan bahwa Imām al-Shafi'i bermimpi Rasulullah ﷺ lantas bersabda: "Tulislah surat kepada Ahmad ibn Hanbal dan sampaikan salamku kepadanya. Khabarkan padanya bahawa dia akan mendapatkan ujian iaitu dipaksa mengakui bahawa Al Quran itu adalah makhluk, maka janganlah turuti mereka, Allah akan meninggikan ilmu bagimu hingga hari kiamat." Ar Rabi' berkata: "Ini khabar gembira." Lalu beliau melepaskan baju yang melekat di kulitnya, dia memberikan kepadaku dan aku mengambilnya dan membawanya ke Mesir, beserta jawapan suratnya. Aku menyerahkannya kepada Imām al-Shafi'i. Beliau bertanya: "Wahai Ar Rabi' apa yang diberikan Ahmad padamu?" Aku menjawab: "Baju yang melekat dengan kulit beliau." Imām al-Shafi'i berkata: "Kami tidak akan merisaukanmu, tapi basahi baju ini dengan air, lalu berikan kepadaku air itu untuk bertabarruk dengannya."

Begitu juga kita dianjurkan bertabarruk dengan air telaga Zam-Zam oleh Nabi ﷺ. Jika perbuatan bertabarruk dengan air telaga itu dihukumkan syirik, maka tidak mungkin Nabi ﷺ sendiri yang akan mengajarkannya. Nabi ﷺ telah bersabda:

{إِنَّمَا مُبَارَكَةٌ إِنَّمَا طَعَامٌ طَعْمٌ}

Maksudnya, "Sesungguhnya ia (air zamzam) air yang penuh dengan keberkatan dan ianya mengandungi makanan yang mengenyangkan." (Al-Nawawi, al-Adhkar, Kitab Adhkar al-Hajj, Fadl fi ma Yaquuluha idha Sharaba Ma' Zamzam. 1060).

Begitu juga Rasulullah ﷺ pernah mengisytarkan keberkatan air Zam-Zam dengan bersabda:

{مَاءٌ زَمَزَمَ، لِمَا شَرِبَ لَهُ}

Maksudnya, "Air Zamzam menurut tujuan apa ia diminumnya." (Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Fadail al-Sahabah, Bab Fadail Abi Dzar. 2473*).

Hadis ini boleh difahami dengan ini dengan penambahan yang terdapat di dalam riwayat Ibn 'Abbās sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Hajr al-'Asqalāni iaitu:

{فَإِنْ شَرِبْتَهُ تَسْتَشْفِي بِهِ شَفَاكَ اللَّهُ، وَإِنْ شَرِبْتَهُ مُسْتَعِيدًا عَادَكَ اللَّهُ، وَإِنْ شَرِبْتَهُ لِيَقْطَعَ ظَمَأَكَ قَطَعَهُ}

Maksudnya, "Jika kamu meminumnya untuk penyembuhan daripadanya maka Allah akan menyembuhkan mu, jika kamu meminumnya untuk memohon perlindungan maka Allah akan melindungimu dan jika kamu meminumnya untuk menghilangkan kehausan maka Allah akan menghilangkannya."

Dengan itu, makna "له" atau "منه" di dalam hadis membawa maksud "من أجله" (dengan apa yang dihajatkannya)".

Meskipun amalan tabarruk di Gunung Jerai dapat dirujuk kepada contoh-contoh yang sahih daripada al-Quran, hadis dan amalan salaf al-sālih, namun terdapat juga potensi penyalahgunaan apabila ia bercampur dengan adat setempat atau khurafat yang tidak bersandarkan nas. Justeru, amat penting untuk diberikan garis panduan yang jelas agar masyarakat dapat membezakan antara amalan tabarruk yang menepati syarak dengan ritual yang menyeleweng daripada aqidah Islam.

Garis panduan ini bukan sahaja berfungsi sebagai rujukan ilmiah, bahkan juga sebagai panduan praktikal kepada pihak berautoriti agama dan para pendakwah dalam mendidik masyarakat secara berhemah dan berfakta. Justeru, jadual 1 di bawah merumuskan garis panduan syarak yang boleh dijadikan rujukan asas dalam menilai dan membimbing amalan ziarah serta tabarruk dalam masyarakat Islam.

Diharuskan (dengan syarat)	Dilarang
Menziarahi makam ulama/solehin dengan niat mendoakan mereka & mengambil iktibar.	Meminta hajat terus daripada penghuni kubur.
Bertabarruk dengan peninggalan (air, tanah, tempat ibadah) selagi diyakini hanya Allah ﷻ yang memberi manfaat/mudarat.	Melakukan ritual syirik (menyembah, sujud, atau persembahan korban di kubur).
Berdoa kepada Allah di tempat yang dianggap mulia kerana sejarahnya, tanpa menyembah kubur atau individu.	Mencampur adukkan tabarruk dengan amalan khurafat (pemujaan nombor ekor, tarik wang, mandi bunga untuk tujuan magis).
Berzikir ketika berziarah dengan menjaga adab zikir yang digariskan oleh syarak	Meyakini selain Allah sebagai pemberi rezeki, kesembuhan atau keselamatan.

Jadual 1: Garis Panduan Syarak dalam belakukan Ziarah & bertabarruk

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Kajian ini meneliti amalan *tabarruk* di Gunung Jerai berdasarkan pandangan ulama Ahli Sunnah Waljamaah, bertujuan menjelaskan hukumnya, mengatasi kekeliruan masyarakat, dan menilai kesesuaiannya dengan prinsip syariat. Kajian juga telah menggabungkan bukti daripada kitab-kitab klasik, karya tokoh semasa, serta laporan lapangan, dengan fokus kepada persoalan tentang asas hukum *tabarruk* dan hubungannya dengan amalan generasi terdahulu.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa *tabarruk*, apabila dilaksanakan dengan keyakinan bahawa hanya Allah memberi manfaat dan mudarat, adalah harus dan mempunyai dalil daripada al-Quran dan hadis sahih. Amalan seperti menziarahi makam Shaykh ‘Abd Allāh al-Qumayri, bersolat di tapak masjid lama, dan meminum air Telaga Tok Sheikh, jika bebas daripada unsur khurafat seperti penyembahan selain Allah, maka ia dilihat selari dengan amalan para sahabat, *salaf al-salih*, dan pandangan imam mazhab. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas menerusi jadual 2 di bawah:

Aspek	Tabarruk Syar’i	Amalan Khurafat
Sumber Dalil	Berdasarkan al-Quran, hadis sahih, athar sahabat & pandangan ulama	Tiada dalil; bersumber mitos, tahayul, adat bercampur syirik
Keyakinan Asas	Allah sahaja pemberi manfaat & mudarat	Benda/individu/roh dianggap berkuasa memberi manfaat
Contoh Amalan	Minum air zamzam, doa di sisi makam soleh, mengambil wudhu Nabi ﷺ	Mandi bunga tarik jodoh, pemujaan nombor ekor, ritual tarik duit

Status Hukum	Harus / Sunat jika menepati syarak	Haram & boleh jatuh syirik jika ada unsur pemujaan
Kesannya pada Aqidah	Memperkokuh tawhid dengan niat yang betul	Merosakkan aqidah & membawa kepada syirik/khurafat

Jadual 2: Kerangka Analitik: Tabarruk Syar'i vs Amalan Khurafat

Kajian ini menyumbang kepada penyatuan pandangan dan bukti yang sebelum ini berselerak, menghasilkan kerangka yang jelas untuk memahami *tabarruk* sebagai amalan berteraskan syarak tetapi berakar dalam budaya tempatan. Hubungan antara adat Gunung Jerai dan prinsip fiqh serta akidah sejagat membantu membina kefahaman bersama antara ilmu klasik dan realiti masyarakat semasa. Kajian juga mengenal pasti tiga kategori utama *tabarruk*: amalan ritual, amalan di lokasi diberkati, dan amalan berasaskan peninggalan, yang boleh dijadikan panduan kepada pihak berautoriti. Pengkategorian ini membolehkan pemimpin agama, pendidik, dan pembuat dasar membezakan antara amalan yang dibenarkan dan yang menyeleweng, seterusnya mengurangkan salah faham serta tuduhan tidak berasas dalam masyarakat.

Dari sudut praktikal, dapatan ini berpotensi digunakan oleh pihak berkuasa agama untuk merangka garis panduan seimbang yang mengekalkan warisan budaya sambil memelihara akidah. Ia juga boleh dimanfaatkan dalam kurikulum pendidikan agama untuk melahirkan pendakwah dan pelajar yang memahami isu ini secara mendalam. Walaupun kajian ini terbatas kepada sumber Melayu dan Arab serta akses kepada bahan yang telah didigitalkan, ia membuka ruang kepada kajian lanjut berbentuk kerja lapangan, perbandingan dengan lokasi *tabarruk* lain di rantau ini, dan kajian empirikal tentang keberkesanan program kesedaran. Secara keseluruhan, kajian ini mengukuhkan kepentingan pendekatan berasaskan bukti dalam menilai amalan keagamaan, menyatukan antara keaslian nas syarak dan budaya setempat, serta menyediakan asas kukuh bagi penyelidikan dan perbincangan ilmiah pada masa hadapan.

RUJUKAN

Al-Quran

'Abd al-Bāqī, Muḥammad Fu'ād. 1996. *al-Mu'jam al-Mufahras li alfāz al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Hadīth.

Achmad Beadie. 2022. *Konsep Berkah Dalam Epistemologi Islam*. Dlm. Jurnal Pusaka. Vol.12 No.2. Sulawesi Selatan: Balai Penelitian dan Pengembangan Agama Makassar.

Ahmad Nurlatif. 2011. *Tabarruk Menurut Pondok Pesantren KI Ageng Wonolelo dan Pondok Pesantren Irsyadul*. Tesis Sarjana Muda (S1). Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.

Al-'Askari, Abū Hilāl al-Hasan ibn 'Abd Allāh. n.d. *Mu'jam al-Furuq al-Lughawiyah*. Cet.1. Qurn: Muassasah al-Nashr al-Islāmi.

Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah. n.d. *Ṣaḥīḥ Bukhārī Muslim* dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah. Riyad: Dar al-Salam.

al-Hararī, 'Abd Allāh. 2004. *Sharḥ al-Qawīm fi Hāl Alfāz al-Ṣirāt al-Mustaqīm*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

al-Hararī, 'Abd Allāh. 2008. *al-Maqālāt al-Sunniyyah fi Kashf al-Dalālāt Aḥmad ibn Taymiyyah*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

al-Ḥusaynī, Jamīl Muḥammad 'Alī Halīm. 2013. *Bahr al-Dalā'il wa al-Asrār fi al-Tabarruk bi Athār al-Mustafā al-Mukhtār*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

al-Jadī, Nāṣir ibn 'Abd al-Raḥmān. n.d. *al-Barāhin 'alā 'Adam Jawāz al-Tabarruk bi al-Ṣālihin*. S.I: n.p.

al-Laḥām, Ṭarīq Muḥammad Najīb. 2021. *Sharḥ Kitāb Aqīdat al-Muslimīn*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

- Al-Naysābūrī, Muslim ibn al-Ḥajjāj. n.d. *Ṣaḥīḥ Muslim* dalam Mawṣu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah. Riyad: Dar al-Salam
- al-Rāghib al-Isfahānī, Abū Al-Qāsim. n.d. *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān ibn Aḥmad. n.d. *al-Mu'jam al-Kabīr*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- al-Zabīdī, Murtaḍā al-Ḥusaynī. 1989. *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn Sharḥ Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Vol.1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zabīdī, Murtaḍā al-Ḥusaynī. n.d. *Tāj al-'Arūs Min Jawāhir al-Qamūs*. S.I: n.p.
- Asmaran As. 2018. *Membaca Fenomena Ziarah Wali di Indonesia: Memahami Tradisi Tabarruk dan Tawassul*. Dalam. Jurnal al-Banjari. Vol.17, No.2. Banjarmasin: Universitas Islam Negeri Antasari.
- Fayrūz al-Abādi, Abū al-Ṭāhir Majīd al-Dīn Muḥammad ibn Ya'qūb. *al-Qāmus al-Muḥīṭ*. S.I: n.p.
- Harian Metro. 2022. Diakses pada 30 Julai 2025. *Tabarruk: bertabayyun sebelum tuduh syirik*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/06/848872/tabarruk-bertabayyun-sebelum-tuduh-syirik>
- Ibn 'Asākir, 'Alī ibn al-Ḥasan ibn Hibat Allāh ibn 'Abd Allāh. *Mukhtasar Tārīkh al-Dimashq*. S.I: n.p.
- Ibn Fāris, Abū al-Ḥusayn Aḥmad. 1972. *Mujmal fī al-Lughat*. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad. n.d. *Faḍā'il al-Sahābah*. S.I: n.p.
- Ibn Manẓūr, Muḥammad ibn Mukarram ibn Alī. t.t. *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dar Sadr.
- Ibn Tūmart, Abū 'Abd Allāh Muḥammad. n.d. *Risālah fī al-'Ibādah*. S.I: n.p.
- Ibrāhīm Muṣṭafa. n.d. *Mu'jam al-Wasīṭ*. Iṣṭanbul: al-Maktabah al-Islāmīyah.
- Khadijah Kamaruddin, Azhar Abdul Rahman, Nur Fadlina Mat Dali. 2022. *Konsep Tabarruk Dalam Perbahasan Islam*. Dalam. The International Journal of Islamic Studies and Culture (IJISC. Vol.1, Special Issue, December 2022. Kedah: Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.
- Kholil Abou Fateh. n.d. *Masā'il al-Dīniyyah (Buku 1)*. S.I: n.p.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.